

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK**



Semua Ketua Jabatan/  
Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 6 TAHUN 2008**

**PEMBAYARAN GAJI DAN ELAUN KEPADA ANGGOTA  
PERKHIDMATAN AWAM YANG BARU DILANTIK**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan pembayaran gaji dan elaun kepada anggota perkhidmatan yang baru dilantik secara tetap atau kontrak. Pembayaran gaji dan elaun ini hanya melibatkan pembayaran pertama kali sahaja.
- 1.2 Di samping itu juga, ia bertujuan untuk menetapkan tempoh masa setiap proses pembayaran gaji dan elaun kepada jabatan/PTJ. Dengan penetapan tempoh masa, sistem penyampaian perkhidmatan awam dapat ditingkatkan.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Kerajaan Negeri telah menerima banyak rungutan dari penjawat awam yang baru dilantik kerana lambat menerima bayaran gaji dan elaun dari jabatan/PTJ. Disebabkan kelewatan ini, ia telah menyukarkan mereka untuk membiayai perbelanjaan harian.

## **3. PERATURAN PEMBAYARAN**

- 3.1. Sebaik sahaja anggota berkenaan melaporkan diri untuk bertugas ataupun selewat-lewatnya seminggu dari tarikh melaporkan diri . Jabatan/PTJ perlu menyediakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan menghantar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk kelulusan.
- 3.2. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK dikehendaki menyemak dan meluluskan Kew.8 tersebut dalam tempoh selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh diterima.
- 3.3. Setelah Kew.8 yang telah diluluskan diterima, jabatan/PTJ perlu menyediakan baucar bayaran secara on-line di sistem SPEKS dalam tempoh 6 hari.
- 3.4. Bagi pembayaran gaji dan elaun untuk bulan kedua dan seterusnya, jabatan/PTJ dikehendaki mengguna pakai Sistem Gaji.
- 3.5. Jika disebabkan oleh apa-apa masalah yang tidak membolehkan jabatan/PTJ membuat bayaran gaji dan elaun dalam tempoh sebulan dari tarikh lantikan, jabatan/PTJ perlu mengambil tindakan berikut:-

3.5.1 Memaklumkan anggota berkenaan untuk membuat Pendahuluan Diri dengan mengisi borang pendahuluan diri dan menghantar ke pejabat ini.

3.5.2 Jika pendahuluan diri telah diluluskan dan bayaran telah diterima. Ketua Jabatan/PTJ perlu membuat potongan sepenuhnya dari gaji dan elaun anggota berkenaan untuk bulan akan datang.

#### **4. PEMAKAIAN**

4.1 Pekeliling ini hanya boleh diguna pakai untuk pembayaran gaji dan elaun anggota yang dilantik secara tetap atau kontrak dan hanya untuk pembayaran kali pertama sahaja.

4.2 Bagi kakitangan yang dilantik secara sambilan, pembayaran elaun perlu dibuat dengan segera setelah genap sebulan perkhidmatannya. Pengiraannya adalah berdasarkan jumlah hari kedatangannya.

#### **5. PENUTUP**

5.1 Jika semua peraturan dan tempoh masa yang telah ditetapkan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Jabatan/PTJ, anggota yang baru dilantik secara tetap atau kontrak akan menerima gaji dan elaun pada akhir bulan pertama perkhidmatannya.


## 6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

8 Ogos 2008

s.k Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan

Pengarah Audit Negeri  
Perak Darul Ridzuan

Bendahari Negeri  
Perak Darul Ridzuan